

NO. SOALAN: 158

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]**

TARIKH : 10 JUN 2014

RUJUKAN : 6839

SOALAN:

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah PATI yang kini di pusat-pusat penahanan PATI dan kapasiti maksimum pusat-pusat tersebut. Berapakah pembiayaan per kapita sehari di dalam tahanan dan berapa jumlah kos pembiayaan PATI setiap tahun di dalam masa 5 tahun terakhir ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah PATI sehingga 27 Mei 2014 di pusat-pusat penahanan PATI adalah seramai 11,626 orang. Manakala kapasiti maksimum pusat tahanan tersebut adalah untuk seramai 14,470 orang PATI.

Kos pembiayaan untuk menampung seorang PATI sehari di kem tahanan adalah sebanyak RM 75.00. Manakala kos yang dibelanjakan oleh Kerajaan bagi menampung PATI di kem tahanan setiap tahun dari tahun 2011 hingga April 2014 adalah sebanyak RM 55,350,596.57.